



ESSAYS

YSF 502 GENRE TELEVISION AND ANALYSIS

**ANALISIS KONSEP *HYBRIDITY* DALAM TELEVISYEN GENRE : KAJIAN KES
*HOTEL MANIA TV3***

Prepared by :
Mohd Jefri Samaroon

APRIL 2011

ANALISIS KONSEP *HYBRIDITY* DALAM TELEVISYEN GENRE : KAJIAN KES *HOTEL MANIA TV3*

"Hybridity is almost a good idea, but not quite" – Nicholas Thomas (1996:9)

PENGENALAN

Televisyen sama seperti filem merupakan salah satu medium penyampaian hiburan. Konsep *genre* selalu dikaitkan dengan program-program di televisyen dan juga filem-filem yang ditayangkan di pawagam. Setiap program akan melalui satu proses pengkategorian yang mana ia mampu membezakan setiap program yang dihasilkan. Jane Feuer membincangkan bagaimana cara sesebuah literasi itu dibahagikan kepada komedi, tragedi, dan melodrama, dan Feuer mencadangkan filem – filem di Hollywood itu boleh dibahagikan kepada Westerns, Muzik dan filem seram manakala pengaturcaraan program di televisyen dapat dikategorikan ke dalam sitkom, aksi jenayah , dan *soap opera* (Allen, pg. 138). Pengkategorian ini penting bagi rujukan penonton supaya mereka faham latarbelakang program yang mereka tonton. Hal ini kerana, tidak semua program televisyen adalah bersesuaian dengan semua peringkat umur dan jantina dikalangan penonton. Oleh yang demikian, sedikit sebanyak dengan cara ini ia dapat membantu penonton menilai setiap program yang diterjemahkan ditelevisyen.

Melalui cara ini, program televisyen yang dihasilkan akan lebih merujuk kepada sistem pengkategorian ini kerana dengan cara ini proses mengklasifikasikan program televisyen akan lebih mudah. Program televisyen sangat bergantung kepada konsep *genre* kerana ia memberikan identiti yang tersendiri kepada setiap program yang dihasilkan. Menurut Jason Mittel dalam artikelnya menerangkan bahawa *"Every aspect of television exhibits a reliance on genre. Most texts have some generi identity, fitting into well-*

entrenched generic categories or incorporating genre mixing (as in "dramedies," such as Ally McBeal, or blends, such as Make Me Laugh, a comedy/game show)" (Cinema Journal 40, No. 3, pg.3, 2001). Selain itu juga, penonton sendiri boleh meletakkan sendiri klasifikasi beberapa program di televisyen seperti contoh program animasi yang biasanya adalah untuk golongan kanak-kanak.

Selain itu, kepentingan *genre* terhadap program di televisyen adalah kerana ia dapat membantu pihak industri dalam mengeluarkan program-program, serta membantu mereka menempatkan kesesuaian slot-slot untuk sesebuah program. Seperti contoh, *genre soap opera, sinetron* atau drama bersiri merupakan sebuah *genre* yang popular dikalangan penonton. Jadi dengan melihat *soap opera, sinetron* dan drama bersiri sebagai salah satu *genre*, maka mudah bagi mereka mengisi slot-slot itu ke dalam rancangan televisyen kerana pada kebiasaannya, *genre* seperti *soap opera* memiliki rating yang amat tinggi. Oleh sebab itu, dengan menggunakan konsep *genre* itu tadi ia mampu membantu mereka sebagai rujukan untuk meletakkan slot-slot itu di masa yang sesuai bagi mereka yang mana penonton pasti akan melihatnya pada waktu ia diudarkan.

Esei ini akan melihat dan membincangkan tentang konsep *genre* itu sendiri sebagai kunci asas kepada "sub genre" iaitu *hybridity* yang mana ia saling berkait rapat dengan apa yang berlaku sekarang di dalam program-program televisyen dalam dan luar negara. Selain membincangkan tentang konsep *hybridity* itu sendiri, esei ini juga akan turut membincangkan tentang peranan *genre hybridity* dan kesannya juga terhadap industri televisyen di Malaysia dengan melihat contoh-contoh program yang bersesuaian dengan konsep tersebut. Setelah melihat dengan jelas konsep *hybridity*, esei ini akan cuba mengaitkan konsep *intertextuality* dalam menghasilkan *genre hybridity*. Adakah terdapat perkaitan antara kedua-dua konsep ini?

Esei ini juga akan cuba membezakan diantara melodrama dengan muzikal drama dan konsep drama itu sendiri. Bagaimana ianya bermula dan mengapa ianya berlaku di arena penyiaran.

DEFINISI *GENRE*

Sebelum esei ini membincangkan tentang konsep *hybridity* itu sendiri sebagai topik perbincangan utama, adalah lebih baik sekiranya kita melihat dahulu apakah sebenarnya konsep *genre* itu sendiri dan hubungannya dengan televisyen. Konsep *genre* ini bermula dari zaman Aristotle di mana beliau mengklasifikasikan *Greek* literasi kepada beberapa kategori seperti tragedi dan komedi. Walaupun kebanyakan definisi *genre* merujuk kepada perkataan yang berasal dari Perancis iaitu sebagai 'satu jenis' atau *type* namun ia bergantung juga kepada *code* dan *conventions* diantara program televisyen itu sendiri (Casey, B. Et.al pg.135, 2008). Ini menunjukkan, setiap program di televisyen memerlukan analisis yang kritikal bagi menilai dan melihat dari segi *code* dan *conventions* itu sendiri untuk meletakkan dimana sepatutnya program itu berada. Maka jelas di sini bahawa konsep *genre* itu penting bagi tujuan proses klasifikasi atau proses pengkategorian program televisyen.

Hal ini dikukuhkan lagi dengan apa yang terdapat di dalam artikel Juliana Wahab iaitu "*Genre is the term used to categorize the different types or formats of television programs which fall under clear generic categories such as news, drama, talk show, sitcoms, game show etc. with a specific code and conventions for each program*" (Malaysian Reality TV: Between Myth and Reality. Malaysian Journal of Communications. 26(2): 17-32). Dengan ini kita mendapat satu gambaran bahawa fungsi *genre* itu sebagai satu tahap di mana ia dapat membantu industri televisyen untuk mengenalpasti setiap *code* dan *conventions* sebelum mereka meletakkannya kepada sesuatu *genre*. Steve Neale (2001) pula berpendapat "*most theorist of genre argues that generic norms and convention are recognised and shared not*